

eBULETIN JTMK

Edisi 6 | JULAI - DISEMBER 2024



eISSN 3009-0741



13

PERASMIAN YTM DIGITAL LAB



ISI KANDUNGAN

04	POLYSKILLS	16	LAWATAN PENDIDIKAN MELBOURNE
05	LAWATAN SMK DATO'JAAFAR HASSAN		SYDNEY
		17	MOBILE LEGEND BANG BANG (MLBB)
06	TAKLIMAT KETUA PROGRAM	18	KEJOHANAN SUKIPT 2024
07	PERTANDINGAN IIICE2024	19	INCIDENT RESPONSE WORKSHOP
08	PERARAKAN MERDEKA	20	BENGKEL CANVA FOR NON-DESIGNERS
09	MOBILE LEGEND	21	INTERNATIONAL BATTLE OF HACKERS
10	KONVOKESYEN PUO SIDANG 4		2024
		22	CSR IPOH LOW CARBON DAY
11	BENGKEL AWS		
12	BENGKEL MYSQL	23	LAWATAN PENANDAARASAN CAIRO, UTM
13	PERASMIAN YTM DIGITAL LAB	24	LAWATAN AKADEMIK
14	PERJUMPAAN KETUA JABATAN	25	BENGKEL PEMBANGUNAN KURIKULUM
	BERSAMA PELAJAR JTMK	26	PENANDAARASAN HEJIM, UPM
15	BENGKEL SMART PITCHING	27	SILAT CHAMPIONSHIPS
		28	PERTANDINGAN CURTIN MALAYSIA CTF
			HACKATON 2024

- 29 MESYUARAT PANEL PENASIHAT
INDUSTRI (IAP)
- 30 KARNIVAL SUKAN PUO 2024
- 31 BENGKEL PEMBANGUNAN
KURIKULUM BIT DAN BCS
- 32 PROGRAM ENVIRO-HIKING
- 33 MAJLIS PENUTUPAN NCIS 2024
- 34 KEPUTUSAN ICE 2024
- 35 KEPUTUSAN PDTI TECH TALENT
- 36 DIGITAL SCRABBLE CHALLENGE 2024



- 37 MAJLIS APRESIASI KELAB
TEKNOLOGI DIGITAL
- 38 BENGKEL MD PDTI TECH.CLUB



- 39 PROGRAM BICARA ASPIRASI
- 40 INTERNATIONAL BUSINESS INNOVATION
PITCHING COMPETITION



- 41 BENGKEL PEMBANGUNAN STRATEGIK JTMK
- 42-48 PENGHARGAAN STAF

PRAKATA



Bismillahirrahmanirrahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, e-Buletin JTMK Edisi ke-6 ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Buletin ini merupakan wadah perkongsian ilmu, pencapaian, dan aktiviti yang melibatkan warga Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), sama ada di peringkat pelajar, pensyarah mahupun jabatan secara keseluruhan.

Edisi kali ini memaparkan pelbagai kisah menarik termasuk pencapaian cemerlang pelajar dan pensyarah, program dan bengkel yang telah dijalankan, serta inisiatif berterusan JTMK dalam memupuk budaya inovasi dan kecemerlangan akademik. Usaha ini diharap dapat menyemai semangat kesepaduan, semangat berpasukan dan daya saing dalam kalangan warga JTMK agar terus melakar kejayaan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah menyumbang idea, tenaga dan masa dalam menjayakan penerbitan e-Buletin ini. Semoga e-Buletin ini bukan sahaja menjadi sumber maklumat tetapi juga sebagai inspirasi kepada semua.

Sekian, terima kasih.



Puan Hajah Hamimah binti Haji Salleh
Ketua Jabatan JTMK



JTMK

*Sidang*Redaksi

..... ❖

Penaung

**PUAN HAJAH HAMIMAH BINTI HAJI
SALLEH**

Penasihat

AFIFAH NAILAH BINTI MUHAMAD

Ketua Penyunting

JAMALIAH BINTI MUSA

Penyunting

ASLIZA BINTI YACOB

Penyunting

NUR HAFIZA BINTI ABD RAHMAN

Grafik dan Rekabentuk

ASLIZA BINTI YACOB

CETAKAN KE ENAM JULAI - DISEMBER 2024

HAK CIPTA POLITEKNIK UNGKU OMAR
POLITEKNIK UNGKU OMAR

MANA-MANA BAHAGIAN TEKS, GAMBAR ATAU KANDUNGAN E-BULETIN INI
TIDAK BOLEH DITERBITKAN SEMULA DALAM APA CARA SEKALIPUN,
TERMASUK SECARA ELEKTRONIK, GAMBAR, SERTA RAKAMAN ATAU DALAM
APA-APA CARA LAIN, TANPA KEBENARAN TERLEBIH DAHULU DARIPADA
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (JTMK).

DITERBITKAN DI MALAYSIA OLEH

POLITEKNIK UNGKU OMAR
JALAN RAJA MUSA MAHADI
31400 IPOH, PERAK

1-300-88-1969

<https://www.puo.edu.my>

eISSN 3009-0741





POLYCCSKILLS

Dua pertandingan Polycskills iaitu ITNSA (IT NETWORK SYSTEM ADMINISTRATION) dan ITSSB (IT SOFTWARE SOLUTIONS FOR BUSINESS) telah diadakan di makmal CNW1 dan Hypermedia 2. JTMK, PUO diwakili oleh Muhammad Danish Fauzi Bin Satuhan dan Muhammad Aliff Bin Razali bagi kategori ITNSA manakala Chee Joe Yee dan Tiun Chin bagi kategori ITSSB. Pelajar telah dilatih oleh Puan Kama Hazira, Puan Afifah Nailah dan Puan Sharifah Nur.

1 – 4 JULAI 2024





LAWATAN SMK DATO' JAAFAR HASSAN

24 JULAI 2024

Kunjungan pelajar-pelajar dari SMK Dato' Jaafar Hassan, Perlis ke makmal-makmal JTMK, PUO.



31 JULAI & 1 OGOS 2024

TAKLIMAT KETUA PROGRAM

Taklimat Ketua Program Pelajar Semester 1
Sesi I 2024/2025 dan Taklimat Trek Program
DIT Sesi I 2024/2025



PERTANDINGAN IIICE2024



Inovasi bertajuk "Mini Aquaponics System using IoT Technology for Teaching and Learning" merangkul GOLD MEDAL serta anugerah PLATINUM BEST OF THE BEST AWARD dalam kategori Sijil dan Diploma di International Innovation & Invention Competition 2024 (IIICE2024) yang berlangsung di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor. Ahli kumpulan terdiri dari Pn. Nur Syuhada binti Mohamad, Muhammad Luqman Danial bin Zulazwi, Muhammad Aiman bin Mohd Razali, dan Muhammad Izzat bin Ismet.





20 OGOS 2024



PERARAKAN MERDEKA

JTMK telah merangkul tempat ke-2 dalam pertandingan Kereta Berhias sempena perarakan Bulan Kebangsaan Merdeka@PUO 2024. Acara yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Hal Ehwal Pelajar PUO dan Majlis Perwakilan Pelajar PUO ini berlangsung di Kompleks Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Ipoh.



4 SEPTEMBER 2024



Syabas dan Tahniah

PERAK

E-SPORT

MOBILE LEGEND BERPASUKAN LELAKI

SILVER / GOLD

BELANG TABUNG TIGA WARNA

MOBILE LEGEND

Tahniah diucapkan kepada semua peserta Mobile Legend E-Sukan SUKMA 2024, khususnya kepada pelajar JTMK, Akmal Harith Bin Alias.

KONVOKESYEN PUO

SIDANG 4

4 SEPTEMBER 2024

Graduan dari Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK) dan Jabatan Kejuruteraan Perkapalan (JKP) menerima Diploma mereka, disampaikan oleh Yang Berbahagia Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Bin Abdul Wahab FASc dari CyberSecurity Malaysia. Terima kasih kepada industri yang telah memberi sumbangan dalam Anugerah Khas Industri kepada JTMK kali ini iaitu CyberSecurity Malaysia, ASK Pentest, Sigma Rectrix Systems Sdn Bhd dan CompTIA - The Computing Technology Industry Association.





'Bengkel 'Cloud Computing and Amazon Web Services (AWS) Siri 2 ini diadakan secara Hybrid di makmal CNWI, JTMK bersama penceramah Encik Muhammad Haziq bin Muhammad Faisal, Application Support Engineer L3, NCR VOYIX. Beliau juga merupakan Alumni JTMK, PUO - Diploma Teknologi Maklumat (Rangkaian).

BENGKEL AWS


3 SEPTEMBER 2024



BENGKEL MYSQL

3 SEPTEMBER 2024

'Bengkel 'Database Transaction Management in MySQL' ini diadakan di makmal APDV2 yang telah disampaikan oleh Encik Harisfazillah bin Jam (Chief Operating Officer, Ezidea Solutions Sdn. Bhd). Bengkel dihadiri oleh pelajar DIT semester 2.





PERASMIAN

YTM DIGITAL LAB

4 SEPTEMBER 2024

tonton



Telah Berlangsung Majlis Perasmian Yayasan Telekom Malaysia (YTM) Digital Lab pada 4 September 2024 bermula 10.00 pagi. Majlis telah dirasmikan oleh Dato' Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pengajian Tinggi.





Program Perjumpaan Ketua Jabatan Bersama Pelajar telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Jubli Perak, Politeknik Ungku Omar. Program ini turut diserikan dengan Penyampaian Sijil Anugerah Kecemerlangan Pelajar JTMK Sesi 1 2024/2025 untuk mengiktiraf pelajar-pelajar yang telah mencapai kecemerlangan dalam akademik.

PERJUMPAAN KETUA JABATAN BERSAMA PELAJAR

6 SEPTEMBER 2024





BENGKEL SMART PITCHING

Tahniah kepada semua pemenang dari Bengkel Smart Pitching anjuran Pusat Pembangunan Keusahawan, Politeknik Ungku Omar. JTMK telah memenangi tempat pertama (Chee Joe Yee, Nur Nysa Safiyya, Jayashrei, Nur Hanis Natasha), tempat kedua (Muhammad Ammar Amshar, Muhammad Khairul Nazeem, Muhammad Ruzaffi), pembentang kedua terbaik (Muhammad Ammar Amshar), dan pembentang ketiga terbaik (Nur Nysa Safiyya).

LAWATAN PENDIDIKAN MELBOURNE, SYDNEY

Ts. Marlina bt Abdul Manaf mewakili Politeknik Ungku Omar (PUO) untuk Lawatan Pendidikan ke Melbourne, Australia yang dianjurkan oleh MDEC.

10 – 12 SEPTEMBER 2024



MOBILE LEGENDS BANG BANG (MLBB)

8 SEPTEMBER 2024

Tahniah kepada Muhammad Syafi bin Sulaiman dari JTMK dan pasukan POLI BOTAK atas kejayaan cemerlang dalam Karnival Mesra Anak Muda (KAMU) 2024 kategori Mobile Legends: Bang Bang (MLBB)





KEJOHANAN SUKIPT 2024

Sekalung tahniah kepada Eddric Raj A/L Francis Xavier dari Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi, Politeknik Ungku Omar, yang bersama rakan sepasukannya Sharwini A/P Thulasiram, Athirah Syaza Binti Morazrain, dan Umar Bin Osman berjaya meraih pingat GANGSA dalam acara 4x400m Campuran di Kejohanan SUKIPT 2024 di UUM, Sintok, Kedah.

10 SEPTEMBER 2024





23 SEPTEMBER 2024



'Incidence Response Workshop' merupakan Industry Expert Enrichment Program (IEEP). Seramai 40 pelajar DDTS3 dan DDTS5 yang terlibat dengan bengkel ini. Penceramah bengkel ialah Muhammad Faris Adha, Senior Security Analyst dari ASK Pentest Sdn. Bhd.

BENGKEL “INCIDENCE RESPONSE”





Kelab Teknologi Digital & Unit TSP JTMK telah menganjurkan Bengkel "Canva For Non-Designers" bertempat di Hypermedia 2, JTMK PUO. Bengkel ini bertujuan untuk memperkenalkan peserta kepada asas-asas penggunaan Canva. Bengkel disertai oleh staf, pelajar, pelajar latihan industri & komuniti setempat dan disampaikan oleh En.Fauzi Hamad, Nexis Social Media.

Bengkel


28 SEPTEMBER 2024

CANVA FOR NON-DESIGNERS




28 SEPTEMBER 2024

Telah berlangsung Pertandingan International Battle of Hackers 2024 : Return of the Legends yang dianjurkan oleh Asia Pasific University (APU) secara hibrid. PUO telah menghantar 2 pasukan iaitu BIT B4NDIT dan DDTStingerr.



INTERNATIONAL BATTLE OF HACKERS 2024





JTMK telah turut serta dalam program 'Corporate Social Responsibility' (CSR) di Dataran MBI bersempena dengan Hari Ipoh Low Carbon. Empat aktiviti disediakan oleh JTMK iaitu Robot Exhibition, Guide Me Through, Cyber Safe or Unsafe?, dan Shake it, Get it.

29 SEPTEMBER 2024

CSR IPOH LOW CARBON DAY




LAWATAN PENANDAARASAN

CENTER FOR ARTIFICIAL INTELLIGENCE & ROBOTICS

Lawatan penandaarasan ke Center for Artificial Intelligence & Robotics (CAIRO), UTM Kuala Lumpur diadakan pada 30hb Sept 2024. Lawatan diketuai oleh Pn Hj Hamimah Binti Hj Salleh Ketua Jabatan JTMK, turut serta Ts. Marlina Binti Abdul Manaf, Ketua CAAiT dan En Mohamad Akhyar Bin Mohd Nor, Penolong Ketua CAAiT. Objektif lawatan adalah untuk mendapatkan input bagi perancangan & pelaksanaan aktiviti oleh Center for Applied Artificial Intelligence (CAAiT) Polycs yg di tubuhkan baru-baru ini. Penerangan peranan dan program yg dilaksanakan CAIRO disampaikan oleh Pengarah CAIRO sendiri iaitu Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Ibrahim Shapiai.

30 SEPTEMBER 2024





30 SEPTEMBER 2024

LAWATAN AKADEMIK

Pelajar-pelajar Trek Keselamatan Maklumat dan beberapa pensyarah pengiring dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) Politeknik Ungku Omar (PUO) telah menjalankan lawatan akademik ke Cybersecurity Malaysia dan Sigma Retrix di Cyberjaya. Lawatan ini memberi peluang kepada pelajar untuk mendalami aspek keselamatan siber, teknologi terkini, dan strategi pertahanan digital. Terima kasih kepada Cybersecurity Malaysia dan Sigma Rectrix System Sdn Bhd atas pengalaman dan perkongsian ilmu yang sangat berharga.





1 – 3 OKTOBER 2024

BENGKEL PEMBANGUNAN KURIKULUM

Program Bengkel Pembangunan Kurikulum Bil 2/2024 untuk Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (BIT) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (BCS) Politeknik Ungku Omar telah diadakan pada 1 – 3 Oktober 2024 di Makmal Hypermedia 2, JTMK PUO.

Lawatan kerja dan penanda arasan oleh CAAIT PUO @ PolyCC ke HEJIM, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 4 Oktober 2024 telah berjaya dilaksanakan. Delegasi dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) Politeknik Ungku Omar (PUO) telah disambut mesra oleh pihak HEJIM.

Lawatan ini bertujuan meneroka peluang kolaborasi, termasuk latihan dalam bidang AI, sangkutan industri pensyarah, jemputan sebagai penilai projek pelajar, serta penyelidikan bersama. Delegasi juga dibawa melawat makmal di bawah Center for Artificial Intelligence Technology seperti MYXLAB (X Reality) dan ASLAN (AI & Robotic).

PENANDAARASAN HEJIM, UKM

4 OKTOBER 2024





12 OKTOBER 2024

SILAT CHAMPIONSHIPS INTER DEPARTMENTS 2024

Tahniah kepada pasukan silat JTMK atas pencapaian cemerlang meraih tempat ketiga dalam Silat Championships Inter Departments 2024



Pertandingan

CURTIN MALAYSIA

CAPTURE THE FLAG (CTF) HACKATON 2024

12 - 13 OKTOBER 2024

Pertandingan ini telah berlangsung selama 24 jam dari jam 10 pagi 12.10.2024 hingga 10 pagi 13.10.2024. JTMK diwakili oleh tiga pasukan iaitu The Antonios, Marceross, dan N4S1L3M4K. Pasukan N4S1L3M4K berjaya mendapat tempat ke 9 daripada 58 buah pasukan yang bertanding.



MESYUARAT PANEL PENASIHAT INDUSTRI (IAP)

18 OKTOBER 2024

Mesyuarat Panel Penasihat Industri Bil 1/2024 bagi Program Diploma Teknologi Maklumat (DIT) berlangsung dengan lancar pada 18 Oktober 2024 di MH Hotel, Ipoh. Mesyuarat ini dihadiri oleh lima Panel Jemputan Industri iaitu Ts. Hj. Muhammad Ibrahim Bin Hussain (CEO @ Polycc, Sigma Rectrix Systems Sdn Bhd), En. Azmar Hisham Bin Mohd Basri, (IAC Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)), Ts. Arham Zulqarnaen Bin Shamsudin (Panel Penasihat Program (IAP), Favotech System Sdn. Bhd.), En. Mohamad Khairul Azam Bin Ibrar Ahmad (IAP, Rapide Telecom Sdn. Bhd.) dan Puan Nor'azuwa Binti Muhamad Pahri, (IAP, ASK Pentest Sdn. Bhd.). Mesyuarat juga turut dihadiri oleh Encik Norman Bin Zamri, Timbalan Pengarah Akademik, dan pensyarah JTMK.



KARNIVAL SUKAN PUO 2024

19 – 20 OKTOBER 2024

Syabas kepada para atlet JTMK atas pencapaian yang membanggakan di Karnival Sukan PUO 2024.

- Johan Petanque Perseorangan Wanita (Intan Munirah binti Azizi)
- Naib Johan Bola Jaring
- Ketiga Petanque Beregu Wanita (Dania Fatnin binti Kamarudin dan Siti Balqis binti Mat Isa)
- Keempat Petanque Beregu Wanita (Nurin Mysarah binti Musa dan An En Xi)
- Keempat Badminton Beregu Wanita (Nur Nadhirah Qistina binti Jamhariri dan Nur Ilyana binti Suhaini)

Anda semua telah menunjukkan semangat juang yang tinggi dan membuktikan kekuatan JTMK. Teruskan prestasi hebat ini dan semoga lebih banyak kejayaan akan diraih di masa hadapan.





BENGKEL PEMBANGUNAN KURIKULUM

Bengkel Pembangunan Kurikulum bagi Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (BIT) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (BCS) telah berlangsung dengan jayanya dari 22 hingga 25 Oktober 2024 di Politeknik Ungku Omar.



22 – 25 OKTOBER 2024





PROGRAM ENVIRO-HIKING

26 OKTOBER 2024

Pada 26 Oktober 2024 yang lepas telah berlangsung program ENVIRO-HIKING oleh kelab Creaco Society JTMK (pelajar Kursus MPU24061) di Bukit Bakong, Chemor. Program ini juga bertujuan memberi kesedaran kepada pendaki tentang kepentingan menjaga alam sekitar sebelum, semasa dan selepas mendaki bukit. Antara aktiviti di dalam program ini adalah kempen kesedaran pemuliharaan dan kebersihan alam sekitar melalui pengedaran risalah kepada pendaki dan aktiviti mengutip sampah dan mengasingkan mengikut kategori bahan kitar semula.



Program "National Creativity and Innovation Showcase 2024 (NCIS 2024)" yang dianjurkan oleh JTMK ini merangkumi tiga elemen utama iaitu 'Innovation & Creativity Exhibition (ICE) 2024' (6 November 2024), "PDTI Tech Talent Competition" (6 November 2024), dan "PDTI Collaborative Teaching" 21 - 30 Oktober 2024). Majlis Penutup ini telah dirasmikan oleh Pengarah PUO, Dr. Shamsuri Abdullah.



MAJLIS PENUTUPAN

6 NOVEMBER 2024

NATIONAL CREATIVITY AND INNOVATION SHOWCASE 2024 (NCIS 2024)



'INNOVATION & CREATIVITY EXHIBITION (ICE) 2024"

KEPUTUSAN



PROJEK TERBAIK (KESELURUHAN)

TAP AND GUARD-PATROLLING APPLICATION
NETWORKING SYSTEM
PN. ROZITA BT MOHD MOKHTAR (SUPERVISOR)

THE BEST PROJECT AWARD (MENGIKUT TREK)



TREK PEMBANGUNAN PERISIAN DAN APLIKASI
MEDISCAN
Pn. Munirah binti Abdullah (Penyelia)



TREK KESELAMATAN MAKLUMAT
SECURE FILE WITH VIRUS DETECTION AND REAL-TIME
THREAT INTELLIGENCE INTEGRATION
Pn. Azrahyu binti Abdul Aziz (Penyelia)



TREK SISTEM RANGKAIAN
TAP AND GUARD-PATROLLING APPLICATION
Pn. Rozita binti Mohd Mokhtar (Penyelia)

PDTI TECH TALENT *Competition* KEPUTUSAN

Best PDTI Tech Talent Project Pitching
SMART AUTOMATIC NUMBER PLATE RECOGNITION (ANPRI)
POLITEKNIK SEBERANG PERAI

Best PDTI Tech Talent Project
TAP AND GUARD - PATROLLING APPLICATION
POLITEKNIK UNGKU OMAR

PDTI Tech Talent Project - Tempat Kedua
SMART AUTOMATIC NUMBER PLATE RECOGNITION (ANPRI)
POLITEKNIK SEBERANG PERAI

PDTI Tech Talent Project - Tempat Ketiga
HUMAN RESOURCE PRISON MANAGEMENT SYSTEM
POLITEKNIK MERSING JOHOR





DIGITAL SCRABBLE CHALLENGE 2024

"Digital Scrabble Challenge 2024" telah diadakan di YTM Digital Lab dan Hypermedia 2, JTMK PUO. Program ini dianjurkan oleh Pelajar Kursus MPU 24051 Sukan 2 - Scrabble dan MPU 24031 Sukan 1 - Scrabble.

9 NOVEMBER 2024



MAJLIS APRESIASI KELAB TEKNOLOGI DIGITAL

Majlis Apresiasi Kelab Teknologi Digital Sesi I 2024/2025 bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada semua AJK Kelab Teknologi Digital yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam melaksanakan aktiviti berteraskan Teknologi Digital sepanjang sesi ini.

14 NOVEMBER 2024





5 DISEMBER 2024

Kelab Teknologi Digital telah menghantar tiga orang wakil, iaitu Fasya Damia binti Abdul Hafiz, Ahmad Firdaus bin Adhasraimi, dan Mohamad Danis Nazri bin Mohd Yusri ke Bengkel Kelab Teknologi MD PDTI yang diadakan di Cyberview Resort & Spa, Cyberjaya. Menyatukan ahli Kelab Teknologi dari pelbagai institusi pendidikan untuk berkongsi idea & berkolaborasi bagi merancang aktiviti impak dalam Hackathon / Pertandingan, kesedaran Teknologi Digital (pelajar sekolah), dan penjenamaan & Promosi PDTI.

BENGKEL MD PDTI TECH CLUB



Unit Zakat & Wakaf, JTMK PUO dan Kelab Teknologi Digital telah menganjurkan program Bicara Inspirasi bertempat di Dewan Kuliah, JTMK PUO. Program ini bertujuan untuk memberikan inspirasi kepada pelajar untuk mencapai potensi penuh mereka dengan mendengar kisah kejayaan dan cabaran yang dihadapi oleh alumni yang telah menempa kejayaan dan untuk meningkatkan semangat dan motivasi pelajar untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan akademik dan ko kurikulum.

PROGRAM BICARA INSPIRASI

8 DISEMBER 2024



International BUSINESS INNOVATION PITCHING COMPETITION

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pn. Siti Zarida dan pelajar Nur Muhammad dari JTMK atas kejayaan merangkul Pingat Gangsa dalam pertandingan International Business Innovation PITCHING Competition (BIPC) 2024 anjuran JPPKK bersama Universitas Pamulang, Indonesia. Idea inovasi yang diketengahkan, KEDAIWHATSAPP, membuktikan kreativiti dan inovasi warga JTMK dalam bidang teknologi dan perniagaan.

17 DISEMBER 2024





BENGKEL PEMBANGUNAN STRATEGIK JTMK

19 – 20 DISEMBER 2024

Bengkel Pembangunan Strategik JTMK Fasa 2 telah berjaya dilaksanakan pada 19-20 Disember 2024 di Travelodge Hotel, Ipoh. Bengkel ini berlangsung dengan lancar dan memberi peluang untuk merangka strategi terbaik dalam memacu kecemerlangan jtmk di masa hadapan.



Tahniah & Syabas

Anugerah PEKERJA CONTOH BULANAN (APCB)



Tahniah & Syabas

PROFESSIONAL TECHNOLOGIST (Ts.)

Malaysian Board of Technologist (MBOT)



Ts. NUR SYUHADA BINTI MUHAMAD

for being awarded

Professional Technologist(Ts.) by Malaysian Board of
Technologist (MBOT)

Tahniah & Syabas



**TS. NOR ANISAH BINTI MOHD SAAD
TS. MAZLINA BINTI MD. MUSTAFA
NUR HAFIZA BINTI ABD RAHMAN**

**as BEST PRESENTER
(IN EACH PARARLLEL SESSION) in
INTERNATIONAL CONFERENCE ON
SOCIAL SCIENCES AND HUMANITIES
ICOSAH VIII
2024**

**FOR THE PAPER
ENTITLED:
ACHIEVEMENT STUDY ON
PROGRAMME EDUCATIONAL
OBJECTIVES FOR IT STUDENTS IN
POLITEKNIK UNGKU OMAR**



Ts. Nor Anisah**Ts. Mazlina****Nur Hafiza**





Tahniah & Syabas

ORGANISERS:



SUSED2024

THE THIRD INTERNATIONAL COMPETITION ON SUSTAINABLE EDUCATION 2024
NURTURING MINDS, EMPOWERING FUTURES & CULTIVATING RESILIENT WORLD

LIST OF SUSED 2024 AWARD WINNERS

**THE THIRD INTERNATIONAL COMPETITION ON
SUSTAINABLE EDUCATION 2024 (SUSED 2024)**

NURTURING MINDS, EMPOWERING FUTURES & CULTIVATING RESILIENT WORLD

OFFICIAL COLLABORATORS:



Pn. Mageswary



Ts. Nor Anisah



Pn. Jamaliah



Ts. Astri Idayu



Ts. Mohd Faizul Emizal

MICROCREDENTIAL FOR PROJECT TECHNICAL REPORT GUIDELINES
CATEGORY A: INNOVATION IN TEACHING AND LEARNING (EDUCATOR)



Tahniah & Syabas



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



POLITEKNIK
MALAYSIA
UNGKU OMAR

Tahniah!

**PENERIMA SKIM GERAN PENYELIDIKAN GUNAAN TVET
(T-ARGS) 2024**



Ts. DR. RUFAIZAL BIN CHE MAMAT (KETUA)



Ts. DR. AZUIN BT RAMLI



AMINAH BIBI BT BAWAMOHIDDIN

**JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**

Projek:
**RAPID DEPLOYMENT OF ARTIFICIAL
INTELLIGENCE FOR PREDICTING AND
QUANTIFYING CARBON EMISSIONS IN
BUILDING CONSTRUCTION**

Jumlah Geran:
RM
33,600.00

**Ikhlās dari Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan
serta warga Politeknik Ungku Omar**

HOME OF TVET CHAMPIONS



Pn. Aminah Bibi


Selamat

DATANG

ke

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

STAF BAHARU





Setinggi-tinggi
PENGHARGAAN
TERIMA KASIH

EN. TEO HONG CHUN

di atas khidmat bakti sepanjang di
Jabatan Teknologi Maklumat dan
Komunikasi, PUO
dan
Selamat Maju Jaya di tempat baharu.



UNIT PUBLISITI DAN MEDIA SOSIAL

Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
Politeknik Ungku Omar
Jalan Raja Musa Mahadi
31400 Ipoh
Perak